

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Produk R&D jana pendapatan negara	BERNAMA
2.	R&D products good for the economy	Daily Express
3.	Fenomena La Nina yang lemah, tidak beri kesan ketara kepada cuaca negara	BERNAMA
4.	La Nina tak beri kesan ketara cuaca negara	Harian Metro
5.	Website on flood info goes offline for hours	The Star



Produk R&D Jana Pendapatan Negara

Oleh Sakini Mohd Said

PRODUK wanita ini dilihat kurang menarik. Apatah lagi, kalau hendak dibandingkan dengan rakan pempamer lain yang mengetengahkan pelbagai ciptaan inovasi sungguh hebat.

"Tidak tahu menjahit? Jangan risau, tanpa pergi kelas anda boleh mempelajari kemahiran menjahit dengan mudah menggunakan 'smart gajet,'" kata Norulaini Mohd Ramly, 35, kepada Bernama tatkala menjelaskan keistimewaan produknya. Agak menarik, apatah lagi kelas mempelajari kemahiran itu boleh dikatakan agak mahal.

Ada yang mencecah lebih RM2,000, itupun tidak semua teknik dan jahitan pakaian yang diajarkan.

Justeru, Norulaini yang juga Ketua Program Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti (KK), Temerloh, Pahang, telah mencetuskan inovasi kaedah mudah yang membolehkan sesiapa sahaja menjadi 'tukang jahit'.

"Smart gajet' ini meliputi beberapa kepingan blok untuk kolar baju kurung, plaket baju Melayu butang 3 dan butang 5, poket baju dan seluar, bahagian badan lelaki dan perempuan, skirt, lengan baju dan banyak lagi. Kepingan blok ini lengkap untuk sehelai pakaian.

"Ia dibuat menggunakan perspek iaitu kepingan plastik lutsinar yang keras dan licin permukaannya bagi memudahkan proses jahitan," katanya yang ditemui pada **Majlis Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY2016)** baru-baru ini.

ATASI MASALAH

Idea menarik ini tercetus apabila melihat kesukaran anak didiknya untuk menghasilkan pakaian yang cantik dan selesa disebabkan kegagalan melakar pola baju.

Secara asasnya, pola amat diperlukan untuk menghasilkan sepasang baju. Ia adalah lakaran lukisan bentuk badan seseorang dengan melibatkan formula tertentu yang berkaitan ukuran dan penjahit sewajarnya mahir teknik berkenaan. Sekiranya gagal, baju itu akan menggelebeh dan pemakai berasa tidak selesa.

"Sebelum memotong kain, tukang jahit akan melakar pola di atas kertas minyak dengan ukuran tertentu. Pola yang telah siap dilukis di atas kertas akan dipotong dan dikepilkan pula di atas kain. "Selesai ini, baharulah boleh potong kain mengikut pola kertas minyak itu.

Tetapi, dengan 'smart gajet' anda tidak perlu melakar pola. Hanya letakkan sahaja kepingan blok mengikut saiz tertentu, misalnya bahagian lengan dan anda sudah boleh potong dan jahit," katanya.

MCY2016 PLATFORM BUAT PENCIPTA INOVASI

"Inovasi ini akan memberi manfaat ramai orang. Kalau kita lihat hari ini, tempah pakaian agak mahal. Tetapi, kaedah ini akan menarik minat ramai untuk belajar menjahit sekali gus mengurangkan perbelanjaan," katanya. Dua produk lain inovasi Norulaini adalah 'smart ruler' yang memudahkan proses melukis pelbagai garisan jahitan dengan satu pembaris serta 'smart pattern' dan informasinya boleh diakses di Facebook - 'smart ruler'. Hasil ciptaan Norulaini ini menjadi antara produk inovasi yang dipamerkan pada majlis kemuncak MCY2016.

Pada majlis itu, sebanyak 150 produk/perkhidmatan sains dan teknologi yang dihasilkan oleh institusi penyelidikan dan universiti serta agensi pembangunan teknologi tempatan dipamerkan. Antaranya 'Quantum Brake Pad' iaitu pad brek mesra alam yang dicipta SIRIM (Bhd) dan 'Deep Wound Management', berfungsi mempercepatkan proses penyembuhan luka dengan menggalakkan penghasilan sel baharu.

Produk lain adalah dua produk forensik digital mampu milik yang dikenali sebagai Kloner dan Pen Dua yang dicipta oleh CyberSecurity Malaysia dan SimbionteA oleh SIRIM. "MCY adalah platform terbaik untuk para penyelidik dan usahawan mengkomersialkan produk mereka," kata Nourlaini.

JULUNG KALI MCY2016 yang julung kali diadakan tahun lepas adalah susulan daripada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pembentangan Bajet 2016 yang mengisytiharkan tahun 2016 sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia.

Ia adalah inisiatif bersama **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** serta Kementerian Kewangan (MOF) yang bertujuan memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kesedaran pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta impaknya kepada pembangunan negara.

Dengan pengkomersialan produk R&D tempatan itu, produk inovatif berkualiti tinggi dapat dihasilkan yang dapat menembusi pasaran luar negara dan mewujudkan jenama Malaysia.

Justeru, bagi menjayakan MCY2016 setiap agensi yang terlibat penyelidikan telah diberikan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang mewajibkan mereka mengkomersialkan sekurang-kurangnya lima produk inovasi memasuki pasaran tahun 2016.

"Majlis kemuncak MCY2016 adalah (hari yang dipilih) untuk mempamerkan segala kejayaan aktiviti pengkomersialan yang telah dilakukan sepanjang tahun ini," kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau**. Bertemakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Mencipta Kejayaan, sebanyak 150 produk yang dihasilkan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sedia untuk dikomersialkan bagi pasaran tempatan dan antarabangsa tahun ini.

Produk inovatif itu antara yang dihasilkan oleh 25 organisasi, agensi dan institusi pengajian di bawah sembilan kementerian yang menguruskan R&D, bersempena MCY2016.

JANA PENDAPATAN NEGARA

Madius berkata aktiviti pengkomersialan menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi bagi membolehkan pengguna sentiasa terdedah kepada teknologi baharu. Menyedari kepentingan ini, kerajaan memberikan tumpuan khusus kepada pembangunan ekonomi berasaskan penjaan inovasi termasuklah dalam menyediakan pelbagai dana/ geran bagi menyokong setiap fasa pelaksanaan aktiviti R&D.

Bagaimanapun, sesuatu amat menyedihkan sekiranya duit rakyat yang digunakan bagi tujuan berkenaan tidak dimanfaatkan sebaiknya oleh komuniti pencipta untuk mengkomersialkan hasil inovasi mereka.

"Satu daripada pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada masa kini adalah ilmu pengetahuan dan kos mendapatkan pendidikan, latihan dan R&D memerlukan pelaburan yang tinggi.

"Bagi merealisasikan manfaat ilmu dan menerima pulangan daripada pelaburan yang telah dibuat, hasil inovasi dan penciptaan perlu dikomersialkan bagi memastikan produk tersebut digunakan dan dimanfaatkan orang ramai," katanya.

Justeru, inisiatif MCY2016 diharap dapat meningkatkan aktiviti inovasi serta membuka mata komuniti pencipta bahawa R&D adalah penjana kekayaan buat negara melalui budaya pengkomersialan. Pelbagai program dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dalam menjayakan matlamat berkenaan.

Hasilnya, sebanyak 123 daripada 150 produk telah berjaya dikomersialkan sehingga 25 Nov lepas (2016) dengan anggaran nilai hasil pengkomersialan sebanyak RM155 juta bersempena inisiatif MCY 2016.

BANTUAN

Kejayaan ini direalisasikan menerusi model 'triple helix' iaitu kerjasama yang menghubungkan kerajaan, akademik dan industri melalui pelbagai aktiviti dan bantuan yang dijalankan sepanjang tahun lepas dalam menghubungkan komuniti pencipta dengan pelabur.

Ini termasuklah melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan serta memahami keperluan industri, pengguna supaya produk yang dihasilkan mempunyai nilai di pasaran.

"Pelan jangka masa pendek kami adalah terus memantau dan membantu mengkomersialkan produk di bawah KPI Khas MCY dan memperkenalkan mereka kepada kelompok industri. "Usaha akan diambil untuk menggalakkan antara lain, aktiviti campur tangan pengkomersialan termasuk pemarkahan perniagaan dan sesi preview teknologi melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan venture kapitalis," katanya.

Contohnya, MOSTI dengan kerjasama Usahawan 1Malaysia telah mengadakan program MCY Boot Camp pada Ogos lepas yang bertujuan membina dan mengenalpasti model perniagaan dan perancangan strategik untuk kemampaan setiap produk dalam pengkomersialan.

"Sehingga kini, MCY telah menjalankan 20 program yang melibatkan penyertaan dari pelbagai pemain dalam landskap STI, industri dan modal teroka," katanya. Menariknya, peluang mendapatkan pelaburan bukan sahaja daripada insituti pembiayaan negara tetapi kerajaan juga membantu menyediakan pelbagai platform agar teknologi tempatan berpeluang mendapatkan pelaburan dana asing.

ANUGERAH

Bagi mengiktiraf pencapaian hebat komuniti pencipta ini, majlis kemuncak MCY2016 turut diwarnai dengan penyampaian anugerah. Madius berkata enam anugerah utama bagi 'Anugerah MCY 2016' dengan nilai keseluruhan RM1 juta berjaya direbut peserta-peserta yang bertanding terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi yang memberi sepenuh komitmen menghasilkan produk bagi dikomersialkan.

Technology Park Malaysia merangkul tiga anugerah iaitu Pemenang Terbaik Keseluruhan, Anugerah Pencapaian Pengkomersialan dan Anugerah Usahawan Penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pula menggondol dua anugerah iaitu Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan serta Anugerah Usahawan Sosial.

Manakala, Anugerah Usahawan Inovator Baharu dimenangi Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM50,000 hingga RM250,000. — Bernama

R&D products good for the economy

KUALA LUMPUR: Tailor-made clothes can cost a pretty penny these days. Therefore, one could save quite a lot if they are able to make their own clothes. It could even be a means of side income. However, courses that teach the required skills and techniques to make beautiful clothes can be quite costly, costing upwards RM2,000.

Despite the cost, such classes are not able to cover the variety of techniques out there.

However, Norulaini Mohd Ramly told Bernama that she had created several tools that could help even beginners sew their own clothes.

"You can learn sewing skills even without going to classes using the tool that I have created," said the 35-year-old, who is also the head of the Fashion and Clothing Programme at the Community College in Temerloh Pahang.

She calls her tools the 'Smart Gadget'. It comprises several sheets of Perspex that functions as sewing patterns for the parts of a garment such as the collar for the "baju kurung", plackets for the "baju Melayu", pockets for shirts or pants and skirts, among others.

Her innovation allows the Perspex sheets to be placed directly onto the fabric and used as a guide for cutting the garment.

"Perspex is a hard and transparent sheet of plastic with a smooth surface, and it is a tool that eases the sewing process," she explained when met at the finals of the 2016 Malaysian Commercialisation Award (MCY 2016) here, recently.

The unique idea was born out of witnessing her students' frustrations in coming up with beautiful yet comfortable clothes due to their failure to sketch a proper sewing pattern.

In sewing and fashion design, a pattern is the template from which parts of a garment are traced onto fabric before being cut out and assembled.

A good sewing pattern is essential in creating well-tailored clothes.

However, drafting one requires the skills and expertise of seasoned tailor.

Failure to translate the measurements taken from a person into a sewing pattern will result in poorly fitted clothes.

"Patterns are usually drawn out on a paper from the measurements taken down by the tailor. A completed pattern will then be cut out and attached to the fabric as a guide.

"However, with the smart gadget, there is no longer a need to come up with a pattern. Just place the (Perspex) sheets in the size that you need on the fabric, such as for the arms, cut it out, and then sew it," she explained.

"This innovation will benefit many people. Today, tailor-made clothes can be very expensive. These tools will further encourage those interested in learning to sew for themselves, subsequently saving costs," she said.

Two other products that Norulaini made were the 'smart ruler' and 'smart pattern', which simplifies the process of drafting patterns and marking sewing lines.

More information on the tools is available on the Facebook page: Smart Ruler.

Norulaini's innovative products were among those featured at the finale of MCY 2016. A total of 150 science and technology products and services by research institutes, universities and local technology development agencies were on display as the event.

Among it were the 'Quantum Brake Pad', an environmentally friendly brake pad by SIRIM (Bhd) and 'Deep Wound Management', a cell-regeneration process that expedites the healing process of deep wounds.

There were also affordable digital forensic products known as 'Kloner dan Pen Dua' by CyberSecurity Malaysia and SimbionteA by SIRIM.

"MCY is the best platform for local researchers and entrepreneurs to commercialise their products," said Norulaini.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak, during the tabling of the 2016 budget, had announced 2016 as the Malaysian Commercialisation Year. The MCY 2016 was held for the first time ever, following the announcement.

It is a joint initiative of the Ministry of Science, Technology and Innovations (Mosti) and the Ministry of Finance, aimed at nurturing entrepreneurship, increasing awareness on the commercialisation of research and development (R&D) and its impact on the country's development.

The commercialisation of local R&D products will help innovative products of quality to penetrate the international market, creating brand Malaysia.

To make MCY 2016 a success, every agency involved with R&D was given a Key Performance Index (KPI) that makes it obligatory for them to commercialise at least five innovative products this year.

"The final ceremony of the MCY 2016 is when we will see all the successful commercialisation activities throughout the year," said the Minister of Science, Technology and Innovations, Datuk Seri Madius Tangau.

The 150 products were created using the National Blue Oceans Strategy approach and are ready for commercialisation on a global scale this year.

Madius said commercialisation activities contributed greatly towards economic growth and allowed consumers to become exposed to newer technologies.

Cognisant of this, the government is giving special focus on economic development based on innovative creations and supporting it through means of various funding and grants for every phase of implementation of R&D activities.

It would therefore be of great disappointment if the public funding meant for the purpose was not fully utilised by the inventor community to commercialise their innovations.

"One of the main propellers of economic growth today is knowledge and the cost of getting education, training and R&D requires a huge investment.

"To optimise the benefits of knowledge and receive a return of investment, the inventions and innovative products need to be commercialised to ensure that the public could ultimately benefit from them," he said.

A variety of programmes have been implemented throughout the year to realise the goal. As a result, 123 of the 150 products on display at the MCY 2016 was successfully commercialised as at Nov 25, with a commercial value of around RM155 million.

The success is realised through the triple helix model, which is a joint effort of the government, academia and industry through activities conducted throughout the year. It also connects the inventor community with investors.

This helps equip inventors with various knowledge and skills as well as understanding of consumer and industry needs, so that the end product has market value.



Fenomena La Nina Yang Lemah, Tidak Beri Kesan Ketara Kepada Cuaca Negara

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Fenomena La Nina yang lemah, yang bermula sejak November lepas dan akan berterusan sehingga Mac depan, dijangka tidak memberi kesan ketara kepada cuaca negara.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata hanya beberapa kawasan di Sabah dan Semenanjung dijangka menerima peningkatan 20 hingga 40 peratus daripada purata jumlah taburan hujan jangka panjang pada Januari dan Mac.

"Pada bulan ini, kawasan Pantai Barat Sabah akan menerima jumlah taburan hujan antara 160 hingga 190mm, sementara Kudat sebanyak 440 hingga 520mm," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata pada Mac nanti, Perlis dijangka menerima taburan hujan antara 160 hingga 190mm, Selangor (300-350mm), Kuala Lumpur (340-400mm), Pulau Pinang (180-210mm), Putrajaya (180-220mm), Kedah: Tanah Besar (160-200mm) dan Langkawi (140-180mm) serta beberapa kawasan di Perak.

Che Gayah berkata tinjauan cuaca itu berdasarkan konsesus ahli meteorologi melalui penganalisan beberapa model tinjauan iklim terpilih

Beliau berkata beberapa kawasan di Sarawak iaitu Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong akan menerima pengurangan 20 hingga 40 peratus daripada purata jumlah taburan hujan jangka panjang.

"Kawasan lain di seluruh negara pula dijangka menerima taburan hujan pada pengkelasan normal.

"MetMalaysia akan terus memantau perkembangan cuaca secara berterusan dari semasa ke semasa dan sebarang perkembangan ketara akan dikemas kini," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 5 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Kuala Lumpur

La Nina tak beri kesan ketara cuaca negara

Fenomena La Nina yang lemah bermula November alalu dan akan berterusan sehingga Mac depan, dijangka tidak memberi kesan ketara kepada cuaca negara.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata hanya beberapa kawasan di Sabah dan Semenanjung dijangka menerima

peningkatan 20 hingga 40 peratus daripada purata jumlah taburan hujan jangka panjang pada Januari dan Mac.

"Pada bulan ini, kawasan pantai barat Sabah akan menerima jumlah taburan hujan antara 160 hingga 190mm, sementara Kudat sebanyak 440 hingga 520mm," katanya kepada BERNAMA di sini, semalam.

Beliau berkata pada Mac nanti, Perlis dijangka menerima taburan hujan antara 160 hingga 190mm, Selangor (300-350mm), Kuala Lumpur (340-400mm), Pulau Pinang (180-210mm), Putrajaya (180-220mm), Kedah: Tanah Besar (160-200mm) dan Langkawi (140-180mm) serta beberapa kawasan di Perak. - BERNAMA

Website on flood info goes offline for hours

PETALING JAYA: The flood information website <http://infobanjir.water.gov.my> was temporarily inaccessible for a few hours as the public sought the latest updates and warnings.

The website, administered by the Drainage and Irrigation Department (DID), would alert the public whenever rivers are at danger levels or when there are heavy rains. It came online again after 11am yesterday.

The website registered 129,180 hits this year with 34,708 alone yesterday.

DID director-general Datuk Seri Zulkefli Hassan said the website could have been affected by the increased number of visitors.

"The same thing happened during last year's rainy season," he said.

Zulkefli said the water levels receded for most of the flooded areas and the situation was "not as bad as the major floods that hit the country in 2014".

Five rivers in Terengganu and three in Kelantan exceeded the danger level as of 4pm.

Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said isolated morning rains were expected over the coastal areas in the east coast in the next five days.